

KE ARAH PENYELARASAN PARAMETER DAN DEFINISI TERMINOLOGI UTAMA SEKTOR PERHUTANAN DI MALAYSIA

FSM Ashray¹, CK Chan¹, MW Othman¹

¹ *Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (Malaysia)*

E-mel: *farrah.ashray@ketsa.gov.my, chan@ketsa.gov.my, wahyudi@ketsa.gov.my*

Abstrak

Parameter dan definisi terminologi utama sektor perhutanan yang diguna pakai oleh ketiga-tiga wilayah (Semenanjung, Sabah dan Sarawak) pada asasnya adalah berdasarkan definisi yang telah digunapakai di bawah *United Nations Food and Agriculture Organization (FAO)*. Pada masa ini, Malaysia tidak pernah mempunyai parameter dan definisi terminologi sektor perhutanan yang sama dan seragam yang digunakan oleh ketiga-tiga wilayah. Selaras dengan peningkatan permintaan terhadap pelaporan bagi data-data hutan tertentu daripada pelbagai pihak berkepentingan serta perkembangan yang berlaku dalam sektor perhutanan negara, baik di peringkat nasional mahupun antarabangsa, terdapat keperluan di mana parameter dan definisi terminologi utama sektor perhutanan yang digunakan di Malaysia diselaraskan dengan mencakupi kehendak dan kepentingan ketiga-tiga wilayah; Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kertas ini bertujuan untuk memaklumkan usaha yang dilaksanakan dalam menyelaraskan penggunaan parameter dan definisi terminologi utama sektor perhutanan di Malaysia yang seragam oleh ketiga-tiga wilayah bagi tujuan pelaporan data hutan nasional.

Kata kunci: parameter, definisi, terminologi perhutanan

TUJUAN

Kertas kerja ini bertujuan untuk memaklumkan Persidangan Perhutanan Malaysia Ke-19 mengenai usaha di peringkat nasional yang dilaksanakan dalam menyeragamkan parameter dan definisi terminologi utama sektor perhutanan bagi ketiga-tiga wilayah bagi tujuan pelaporan data hutan nasional.

LATAR BELAKANG

Peranan dan Kepentingan Pelaporan Data Hutan Nasional

2. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) berperanan menyelaras data hutan nasional daripada semua pemilik (*custodian*) data tersebut iaitu jabatan-jabatan perhutanan daripada ketiga-tiga wilayah (Semenanjung, Sabah dan Sarawak) di peringkat kebangsaan. Di peringkat nasional, sektor perhutanan merupakan salah satu bidang utama yang dilaporkan dalam satu dokumen rujukan utama iaitu **Kompendium Perangkaan Alam Sekitar (KPAS)** yang diterbitkan secara tahunan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

3. Selain itu, data hutan nasional turut digunakan oleh pelbagai pihak berkepentingan seperti Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk pelaporan Rancangan Lima Tahun dan *Sustainable Development Goals* (SDGs), Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) bagi pelaporan yang melibatkan United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC) dan skop Guna Tanah, Perubahan Guna Tanah dan Perhutanan (*Land Use, Land Use Change and Forestry - LULUCF*), PLANMalaysia bagi sistem i-PLAN dan lain-lain agensi lain.

4. Di peringkat antarabangsa, data hutan negara dilaporkan dalam beberapa laporan antarabangsa seperti laporan *United Nations Food and Agriculture Organization* (FAO) iaitu *Global Forest Resources Assessment* (FRA) dan laporan *Biennial Update Report* (BUR) untuk pelaporan obligasi negara di bawah UNFCCC. Adalah menjadi keperluan agar pelaporan data hutan dilaksanakan mengikut **prinsip ketelusan, ketepatan, ketekalan, kebolehbandingan dan kesempurnaan** (*transparency, accuracy, consistency, comparability and completeness - TACCC*).

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

Parameter dan Definisi Terminologi Utama Sektor Perhutanan Semasa

5. Secara amnya, definisi hutan yang dihasilkan/digunakan di bawah FAO mahupun UNFCCC adalah lebih kurang sama, namun ia disediakan bagi memenuhi dan mengikut keperluan serta objektif Perjanjian Multilateral Alam Sekitar (*Multilateral Environment Agreement - MEA*) masing-masing. Dalam hal ini, FAO yang mempunyai fokus khusus untuk pengurusan hutan secara berkekalan (PHSB) manakala UNFCCC mempunyai objektif yang menjurus kepada isu perubahan iklim.

6. Parameter dan definisi terminologi utama sektor perhutanan yang diguna pakai oleh ketiga-tiga wilayah ketika ini pada asasnya adalah berdasarkan kombinasi definisi yang telah diguna pakai di peringkat antarabangsa khususnya di bawah agensi-agensi seperti FAO dan International Tropical Timber Organisation (ITTO). Sehingga kini, **Malaysia masih tidak mempunyai satu set parameter dan definisi terminologi sektor perhutanan yang seragam dan rasmi mengikut kepada keadaan negara (*national circumstances*) di peringkat nasional.** Maka terdapat keperluan di mana parameter dan definisi terminologi utama sektor perhutanan yang digunakan di Malaysia diselaraskan dengan mencakupi kehendak dan kepentingan ketiga-tiga wilayah; Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

7. Usaha untuk menyelaraskan penggunaan parameter dan definisi terminologi utama sektor perhutanan di Malaysia yang seragam oleh ketiga-tiga wilayah bagi tujuan pelaporan data hutan nasional telah dimulakan sejak tahun 2019. Semenjak itu, parameter dan definisi terminologi utama sektor perhutanan sering dibincangkan melalui pelbagai platform.

‘Novotel Resolution 2022’ : Kepentingan Penyelarasan Parameter dan Definisi Terminologi Utama Sektor Perhutanan Nasional

8. Berdasarkan perkembangan yang telah berlaku dalam sektor perhutanan negara, serta komitmen dan obligasi negara dalam perjanjian dan konvensyen, baik di peringkat nasional mahupun antarabangsa, draf pertama mengenai parameter dan definisi terminologi utama sektor perhutanan bagi Malaysia telah berjaya dihasilkan semasa Bengkel Penyelarasan dan Pelaporan Data Hutan Nasional pada 8 hingga 10 Mac 2022 di Hotel Novotel Kuala Lumpur. Bengkel tersebut telah dihadiri oleh wakil-wakil seperti berikut:

- (i) Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA);
- (ii) Kementerian Air dan Alam Sekitar (KASA);
- (iii) PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa);
- (iv) Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM);

- (v) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS);
- (vi) Jabatan Perhutanan Sabah;
- (vii) Jabatan Hutan Sarawak;
- (viii) Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN);
- (ix) Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM);
- (x) Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar (MUDeNR) Sarawak;
- (xi) Unit Perancang Negeri Sarawak (UPEN);
- (xii) Sarawak Forestry Corporation (SFC);
- (xiii) Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM); dan
- (xiv) Malaysia Forest Fund (MFF).

9. Draf pertama ini meliputi parameter dan definisi bagi **9 terminologi utama sektor perhutanan iaitu *forest, forested area/land, planted forest, plantation forest, deforestation, forest degradation, afforestation, reforestation dan sustainable forest management***. Draf tersebut telah disediakan dan dipersetujui secara bersama oleh semua wakil Kementerian/Jabatan/Agensi yang hadir untuk diangkat bagi mendapatkan persetujuan lanjut pengurusan tertinggi jabatan perhutanan di ketiga-tiga wilayah. Maklum balas lanjut daripada setiap wilayah telah diperolehi dan satu konsultasi lanjut akan dilaksanakan untuk memuktamadkan parameter dan definisi ini.

Asas penetapan parameter dan definisi terminologi

10. Secara amnya, draf parameter dan definisi terminologi utama sektor perhutanan bagi Malaysia yang telah dibincangkan dan dihasilkan di bengkel yang telah dilaksanakan adalah berasaskan kepada parameter dan definisi terminologi yang digunakan oleh FAO dan *National REDD Plus Strategy*. Bagi tujuan penerangan yang lebih jelas, nota penjelasan juga disediakan untuk setiap daripada 9 terminologi tersebut. Setiap nota penjelasan yang disediakan mengambilkira kepada keperluan dan kepentingan setiap wilayah, di samping dapat memastikan kebolehlaksanaan prinsip ketekalan dan kebolehbandingan.

11. Draf parameter dan definisi terminologi utama sektor perhutanan bagi Malaysia yang dihasilkan turut mengambil kira perkara-perkara berikut:

- (i) Dasar Perhutanan Malaysia termasuk dasar-dasar perhutanan ketiga-tiga wilayah;
- (ii) Data hutan nasional sedia ada dan keperluan pelaporan data hutan baharu pada masa depan; dan
- (iii) Keperluan dari segi teknikal dan perundangan serta kepentingan setiap wilayah.

HALATUJU

12. Buat masa ini, sesi konsultasi akan diteruskan bagi mendapatkan maklum balas ke atas draf tersebut daripada jabatan perhutanan dari ketiga-tiga wilayah sebelum draf tersebut dimuktamadkan. Seterusnya, **Kementerian akan membawa parameter dan definisi terminologi yang telah disediakan untuk pertimbangan Mesyuarat Jemaah Menteri dan Majlis Tanah Negara untuk pertimbangan dan persetujuan sebelum digunapakai secara rasmi di ketiga-tiga wilayah dan menjadi asas kepada pengumpulan data sehingga ke pelaporan data hutan nasional.**

13. Selain itu, Kementerian akan meneruskan sesi konsultasi bersama ketiga-tiga wilayah berhubung cadangan pembangunan satu sistem Pengurusan Maklumat Sumber Hutan Kebangsaan dan program khusus bagi pengukuhan kapasiti yang seragam dan berterusan untuk penyediaan dan penganalisan maklumat sumber hutan dan biodiversiti negara yang disyorkan melalui '**Novotel Resolution 2022**' dalam menambahbaik serta mengukuhkan pelaporan data hutan di peringkat nasional.